

**MENGENAL PERSEPSI PENDUDUK PERMATANG PAUH TERHADAP
PENGGUNAAN VAPE**

10DPM13F1150	SAADIAH BINTI MOHD SUHAIMI
10DPM13F2003	INTAN YUSNITA BINTI UBAIDILLAH
10DPM13F2009	RUTH NEESAMALAR A/P PAUL
10DPM13F2015	NOR NAJIAH BINTI ABD RAHMAN
10DPM13F2037	NUR SABILAH NAJIAH BINTI KHAIRUL ANUAR
10JPM13F2002	PRIVINRAJ A/L ASHOKUMAR

DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN (PENGURUSAN)

**JABATAN PERDAGANGAN
POLITEKNIK SEBERANG PERAI**

DISEMBER 2015

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya kami dapat menyiapkan projek bagi modul PB605 (Kajian Perniagaan). Begitu juga dengan rezeki kesihatan yang baik bagi melengkapkan kajian kami sepanjang satu semester ini.

Dikesempatan ini kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah kursus kami, Puan Suliza binti Othman yang telah banyak memberi tunjuk ajar kepada kami sepanjang kami menjalankan kajian ini. Selain itu, jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kami ucapkan kepada Cik Norhayati binti Abdul Hamid yang merupakan penyelia kami atas segala sumbangan idea bernas, masa dan tenaga beliau dalam menyiapkan projek ini. Segala tunjuk ajar yang kami perolehi sepanjang menyiapkan projek ini akan kami jadikan sebagai satu panduan serta pengalaman yang akan kami manfaatkan untuk kegunaan pada masa akan datang.

Ribuan terima kasih juga kami ucapkan kepada pihak Politeknik Seberang Perai serta semua pihak yang terlibat dalam menyiapkan projek ini atas segala tunjuk ajar, bantuan, nasihat dan sokongan moral yang diberikan kepada kami agar dapat menyiapkan projek ini dengan jayanya.

ABSTRAK

Fenomena vape di kalangan masyarakat Malaysia mula berkembang pada tahun 2015. Kini, sebahagian masyarakat menganggap fenomena ini sebagai sesuatu perkara yang negatif, kerana begitu banyak keburukan akibat penggunaan vape bebanding kebaikan yang dapat dimanfaatkan oleh pengguna vape itu sendiri. Hal ini demikian kerana terdapat beberapa kejadian buruk yang berlaku yang disebabkan oleh penggunaan vape. Misalnya, mulut pengguna vape yang cedera akibat mod vape yang meletup secara tiba-tiba. Berikutan itu, kajian yang lebih terperinci berkaitan penggunaan vape itu sendiri masih dijalankan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab, seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), mahupun pihak Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM). Kajian yang mendalam berkaitan kesan jangka panjang vape terhadap kesihatan mahupun keselamatan pengguna vape perlu dijalankan agar dapat mengelakkan lebih banyak kejadian buruk yang tidak diingini berlaku. Dalam kajian ini, persepsi masyarakat berkaitan penggunaan vape diukur dari tiga sudut, iaitu sosial, kewangan serta pengetahuan kesihatan. Soal selidik yang terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian A dan bahagian B telah diedarkan bagi mengumpulkan maklumbalas penduduk Permatang Pauh terhadap objektif kajian yang telah dinyatakan. Seramai 100 orang penduduk di sekitar Permatang projek ini seterusnya diproses menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor sosial merupakan faktor utama yang menjadi tumpuan masyarakat, kemudian diikuti faktor pengetahuan kesihatan, dan akhir sekali faktor kewangan.

KANDUNGAN	Halaman
PENGAKUAN LAPORAN PROJEK	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
 BAB 1. PENDAHULUAN	
1.1 Latar Belakang Masalah	2
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Skop Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.6.1 Kepentingan kepada orang awam	7
1.6.2 Kepentingan kepada pertumbuhan positif minda Masyarakat	7
1.6.3 Kepentingan untuk mengetahui kebenaran tahap persepsi penduduk	8
1.6.4 Kepentingan kepada ibu bapa/penjaga	8
1.6.5 Kepentingan kepada pengkaji akan datang	8
1.7 Definisi Operasi	
1.7.1 Mengkaji	8
1.7.2 Persepsi	9
1.7.3 Sosial	9
1.7.4 Kewangan	10
1.7.5 Pengetahuan kesihatan	11
1.7.6 Penggunaan vape	12
1.8 Limitasi Kajian	13

BAB 2 ULASAN KARYA

2.1	Pendahuluan	14
2.2	Faktor Masalah Sosial	14
2.3	Faktor Kewangan	17
2.4	Faktor Pengetahuan Kesihatan	19

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	22
3.2	Reka Bentuk Kajian	23
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	24
3.4	Populasi dan Sampel	26
3.5	Instrumen Kajian	26
3.6	Kaedah analisis data	27

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	29
4.2	Analisis Kebolehpercayaan Data	30
4.3	Dapatan Kajian	31
4.3.1	Bahagian A	31
4.3.2	Bahagian B	
4.3.2.1	Faktor Sosial	37
4.3.2.2	Faktor Kewangan	39
4.3.3.3	Faktor Pengetahuan Kesihatan	41

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	44
5.2	Perbincangan	45
5.2.1	Faktor Sosial	45
5.2.2	Faktor Kewangan	46
5.2.3	Faktor Pengetahuan Kesihatan	48
5.3	Implikasi Kajian	49
5.4	Cadangan	

5.4.1	Cadangan Kepada Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	51
5.4.2	Cadangan Kepada Pengguna	52
5.4.3	Cadangan Kepada Para Penduduk/Orang Ramai	53
5.4.4	Cadangan Kepada Para Pengkaji Akan Datang	53
5.5	Kesimpulan	54

SENARAI JADUAL

No		halaman
jadual		
3.1	Jadual Skala Likert	27
4.1	Jadual analisis kebolehpercayaan data (15 soalan)	30
4.2	Jadual analisis kebolehpercayaan data (9 soalan)	
4.3	Skala min skor	36
4.4.1	Analisis soalan berkaitan faktor sosial yang mempengaruhi persepsi penduduk Permatang Pauh terhadap penggunaan vape.	37
4.4.2	Analisis soalan berkaitan faktor kewangan yang mempengaruhi persepsi penduduk Permatang Pauh terhadap penggunaan vape.	39
4.4.3	Analisis soalan berkaitan faktor pengetahuan kesihatan yang mempengaruhi persepsi penduduk Permatang Pauh terhadap penggunaan vape.	41

SENARAI RAJAH

No rajah		halaman
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	31
4.2	Taburan Umur Penduduk	32
4.3	Taburan Bangsa Penduduk	33
4.4	Taburan Status Penduduk	34
4.5	Taburan Pekerjaan Responden	35

BAB 1

1.0. PENDAHULUAN

Pada era globalisasi ini pelbagai masalah gejala sosial yang berlaku di Malaysia. Ia menjadi topik hangat dalam perbualan masyarakat masa kini dan membangkitkan pelbagai persepsi oleh golongan masyarakat setempat. Di Malaysia, kita dapat mengenal pasti terlalu banyak gejala sosial yang berlaku. Saban hari kita didedahkan tentang gejala-gejala sosial yang berlaku di media-media massa dan media elektronik. Gejala yang amat dikenali pada ketika ini adalah menghisap vape. Penggunaan vape di Malaysia semakin meruncing dan juga diklasifikasikan sebagai satu jenayah yang melibatkan etika dan moral individu. Penggunaan vape ini bukan sahaja dilakukan oleh golongan remaja dan dewasa malahan ada segelintir kanak-kanak juga turut terlibat.

Secara umumnya penggunaan vape tidak membawa sokongan dan keuntungan kepada kekuatan sistem masyarakat masa kini. Selain itu, kurangnya penghayatan akhlak dalam diri remaja juga boleh mendorong remaja terlibat dalam penggunaan vape. Menurut Najati (1993), keruntuhan nilai akhlak di dalam sesebuah masyarakat boleh menjadi ancaman kepada kesejahteraan mental individu. Malek Bennabi (1998) pula menyatakan, keruntuhan nilai akhlak turut menjadi punca sebenar kepada kemusnahan kerana keruntuhan nilai akhlak akan melemahkan setiap sendi sesebuah masyarakat.

Kajian dalam mengkaji persepsi masyarakat dalam sebilangan pengguna vape adalah satu kaedah untuk menilai tahap sensitiviti sesebuah masyarakat. Oleh yang demikian, para pengkaji berminat untuk membuat kajian dalam mengkaji persepsi masyarakat di Permatang Pauh terhadap penggunaan vape. Antara tujuan kajian ini adalah berkaitan dengan tiga faktor iaitu faktor gejala sosial, faktor kewangan dan faktor pengetahuan kesihatan.

1.1. LATAR BELAKANG MASALAH

Kesihatan yang baik mampu menjamin kehidupan yang sempurna. Tanpa kesihatan yang baik, pastinya kehidupan seseorang tersebut tidak sempurna, malahan mengakibatkan keselesaan seseorang itu terjejas. Masyarakat negara kita sering terdedah dengan pelbagai masalah kesihatan yang kronik dan akhirnya mengundang kepada kematian (Norkumala binti Awang, 2012).

Umumnya di Malaysia, sebanyak 73 peratus kematian di hospital kerajaan disebabkan penyakit tidak berjangkit (NCD) (Harian Metro, 2015). Menurut Dr. Sallehudun bin Abu Bakar (2011) antara empat kematian utama kerana merokok termasuklah pelbagai jenis kanser, penyakit jantung, strok dan penyakit pulmonari obstruktif kronik (COPD). Malahan, statistik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mencatatkan jumlah kematian hampir enam juta orang meninggal akibat merokok. Selain itu, sejumlah 20,000 rakyat Malaysia meninggal dunia setiap tahun akibat merokok (Datuk Seri S. Subramaniam, 2015).

Penggunaan rokok di Malaysia bukan lagi dianggap perkara asing. Sebanyak 38 peratus golongan lelaki dan 1.4 peratus wanita dianggarkan mempunyai tabiat merokok di Malaysia (Bernama, 2015). Namun demikian, wujud evolusi baru di Malaysia, iaitu rokok elektronik, ataupun lebih dikenali sebagai vape. Vape kini

menjadi topik bualan hangat di Malaysia kerana dikatakan mampu mengurangkan kebergantungan perokok tegar kepada rokok. Rokok elektronik adalah nama panggilan kepada alat yang membekalkan dos nikotin dalam bentuk wap dengan memanaskan cecair campuran. Terdapat beberapa nama panggilan untuknya iaitu eRokok, Vape dan e-cig. Tujuannya adalah untuk memberikan dos nikotin kepada perokok tanpa perlu menyedut asap rokok yang mengandungi bahan kimia berbahaya lain .

Penggunaan vape ini dilihat dari pelbagai sudut, terutamanya kesan pengambilan vape tersebut. Namun begitu, hanya kajian yang mendalam serta mengambil masa bertahun-tahun untuk siap yang hanya dapat menentukan sama ada rokok elektronik atau vape perlu diharamkan atau dilarang penjualannya (Prof Madya Razak Lajis, 2015).

Selaras dengan kesan yang timbul akibat penggunaan vape, pengharaman vape mula dijalankan di Johor, mahupun Kelantan (Utusan Malaysia, 2015). Selain itu, negeri-negeri lain di Malaysia selain Johor dan Kelantan dilihat mula mengambil berat isu pengharaman vape tersebut di negeri masing-masing.

1.2. PERNYATAAN MASALAH

Tahap penggunaan vape di Malaysia semakin meningkat seiring perkembangan teknologi di Malaysia. Masyarakat terlalu kerap menggunakan vape sama ada di rumah mahupun di tempat awam seperti di restoran dan tempat rekreasi. Sering sekali pengguna tegar vape memuat naik gambar mereka sedang menggunakan vape di laman sosial seperti Facebook, Twitter mahupun Instagram.

Dalam kaji selidik dalam talian (online) yang dijalankan pada tahun 2010, penyelidik meninjau pelawat laman web dan forum perbincangan khusus untuk

pengguna vape dan perokok yang ingin berhenti merokok. Daripada 3587 peserta, 70 peratus adalah bekas perokok 61 peratus adalah lelaki dan umur median ialah 41 tahun. Rata-rata para peserta menggunakan vapor selama kira-kira tiga bulan. 96 peratus mengatakan bahawa vape membantu mereka berhenti merokok, manakala 92 peratus mengatakan bahawa ia menjadikan mereka kurang merokok. Majoriti peserta berkata vape membantu mereka melawan keinginan dan mengelakkan mereka merokok semula. (Ahmad Yusdirman, 2015).

Dari segi kesihatan, penggunaan vape tanpa kawalan pastinya dapat memberi kesan kepada kesihatan pengguna vape tersebut, termasuklah masalah paru-paru (Kosmo, 2015). Oleh itu, penggunaan vape ini dilihat dapat dapat memberi kesan yang lebih buruk daripada pengambilan rokok (Tun Dr Mahathir Mohamad, 2015).

Selain itu, pertambahan peniaga-peniaga yang menjual keperluan vape juga bertambah pesat. Namun, perniagaan yang dijalankan tersebut dilihat membimbangkan, lebih-lebih lagi jika peralatan-peralatan seperti mod mahupun perisa vape tersebut dijalankan sambil lewa tanpa pengawasan pihak berkuasa, misalnya Kementerian Kesihatan Malaysia. Di Malaysia, penjualan vape adalah satu kesalahan di bawah Akta Racun 1952 dan Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Mereka yang didapati bersalah menjual dan mengedar produk (serta nikotin cecair untuk digunakan di dalam vape) akan dikenakan tindakan lebih daripada RM3,000, dipenjarakan tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya. Menteri Kesihatan Malaysia menyatakan bahawa vape mengandungi nikotin cecair adalah lebih berbahaya daripada rokok biasa dan memberi amaran kepada rakyat Malaysia supaya mengelakkannya.

Tambahan itu, menurut salah seorang penjual vape yang ditemui, kebanyakan vape adalah daripada China dan ia benar-benar mahal ketika awal pengenalannya. Malahan, harga untuk mod yang berbentuk pula boleh mencapai kira-kira RM200, pada awal pengenalannya, iaitu tiga tahun lalu. Namun kini, harganya hanya sekitar

RM15 dengan kemasukan barangan buatan China. Walaupun begitu, apabila trend ini mula berkembang, pelbagai mod mula diimport dari Amerika Syarikat dan United Kingdom dengan harga yang tinggi (Metro, 2015).

Penggunaan vape turut memberi kesan terhadap masalah sosial dalam kalangan masyarakat. Turut terlibat pelajar universiti tempatan yang ditahan akibat menghasilkan perisa ganja bagi pengguna vape (Kosmo, 2015). Menurut Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), SM Mohamed Idris, vape sekarang dilihat semakin popular dikalangan remaja dan pelajar sekolah juga telah dilihat tidak terkecuali dalam perkara ini. Sesetengah pihak mendakwa bahawa kandungan cecair di dalam vape mengandungi bahan kimia yang merosakkan kesihatan. Asap yang dikeluarkan mengandungi bahan kimia yang tidak baik untuk kesihatan dan udara sekeliling seterusnya menyebabkan kesihatan orang lain juga terjejas. Ianya dilihat sebagai tidak sopan apabila remaja perempuan dan kanak-kanak juga telah dilihat di antara pengguna vape.

Sehubungan dengan itu, kesan negatif yang timbul dari penggunaan vape yang berleluasa dalam kalangan masyarakat, pengkaji telah membuat keputusan untuk mengkaji persepsi masyarakat Permatang Pauh terhadap penggunaan vape.

1.3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji persepsi penduduk Permatang Pauh terhadap penggunaan vape. Fokus utama kajian ini ialah ;

1. Menenalpasti sama ada faktor sosial yang mempengaruhi penggunaan vape.
2. Menenalpasti sama ada faktor kewangan mempengaruhi penggunaan vape.
3. Menenalpasti sama ada faktor pengetahuan kesihatan mempengaruhi penggunaan vape.

1.4. PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif, persoalan yang akan dikaji adalah seperti berikut ;

1. Adakah faktor sosial mempengaruhi penggunaan vape ?
2. Adakah faktor kewangan mempengaruhi penduduk Permatang Pauh terhadap penggunaan vape ?
3. Adakah pengetahuan berkaitan kesihatan mempengaruhi penduduk Permatang Pauh terhadap penggunaan vape ?

1.5. SKOP KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah mengenai persepsi penduduk Permatang Pauh terhadap penggunaan vape. Terdapat tiga persepsi penduduk Permatang Pauh yang hendak dikaji iaitu faktor sosial, faktor kewangan serta faktor pengetahuan berkaitan kesihatan yang mempengaruhi penggunaan vape.

Skop kajian ini hanya tertumpu kepada 100 orang responden sekitar Permatang Pauh. Pengkaji memilih kaedah pengumpulan data dengan mengedarkan soalan kaji selidik kepada penduduk Permatang Pauh yang bersesuaian dengan tajuk iaitu untuk mengkaji persepsi penduduk Permatang Pauh terhadap penggunaan vape.

1.6. KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah mengenai mengkaji persepi penduduk Permatang Pauh terhadap penggunaan vape. Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti persepsi penduduk Permatang Pauh mengenai vape yang kini semakin dikenali dan banyak digunakan oleh anak muda dan dewasa tidak kira lelaki mahupun perempuan. Kepentingan kajian ini dilihat dapat membantu penduduk untuk lebih memahami apa itu vape daripada segi kegunaan, kebaikan dan juga keburukan. Hasil daripada kajian yang

dilakukan akan memberi manfaat kepada golongan yang dikaji justeru dapat bersama-sama menyebarkan pengetahuan yang berguna kepada masyarakat.

1.6.1. Kepentingan kepada orang awam

Aspek pengetahuan adalah sangat penting yang perlu ada dalam diri masyarakat supaya kita peka dengan keadaan dan kejadian yang sedang berlaku di sekeliling kita. Hal ini supaya kita dapat melakukan sesuatu yang bermanfaat dalam kehidupan kita. Hasil daripada kajian ini, setiap lapisan masyarakat yang kebanyakannya semakin terdedah kepada sesuatu yang baru akan lebih teliti serta mampu untuk membuat pertimbangan rasional bagi sesuatu yang melibatkan kesihatan hasil daripada pengambilan dan aktiviti seharian.

1.6.2. Kepentingan kepada pertumbuhan positif minda masyarakat

Implikasi kedua daripada kajian ini, setiap penduduk Permatang Pauh akan menerapkan moral yang baik dalam diri untuk menjadi modal insan yang cemerlang serta tidak terlibat dengan perkara yang melibatkan penggunaan vape. Penduduk itu sendiri akan menerapkan kesedaran dalam diri dan menambahkan pengetahuan mereka sebagai tambahan untuk menjadi seseorang yang berfikiran panjang yang mampu memikirkan baik buruk sesuatu perkara terhadap diri sendiri.

1.6.3. Kepentingan untuk mengetahui kebenaran tahap persepsi penduduk

Kepentingan kebenaran ini akan menentukan tahap persepsi penduduk di Permatang Pauh, sama ada benar atau tidak kebenaran yang disuarakan tentang apa yang mereka fahami mengenai vape. Ianya akan membuktikan bahawa penduduk berada dalam kelompok yang sepatutnya. Di akhir kajian, ini akan menunjukkan tahap kebenaran dan tindakan yang sewajarnya yang perlu

diambil oleh penduduk mengikut tahap persepsi mereka sebagai bukti kefahaman mereka.

1.6.4. Kepentingan kepada ibu bapa/penjaga

Di samping itu, daripada kajian ini apabila seseorang individu itu benar-benar mempunyai tahap pengetahuan yang sepatutnya mengenai penggunaan vape, ibu bapa yang sibuk dengan urusan kerja tidak perlu risau untuk memantau anak-anak mereka 24 jam sehari. Ibu bapa yang memdedahkan anak-anak kepada penggunaan vape akan mengelakkan isu-isu negatif yang akan timbul. Seseorang anak yang mempunyai tahap pengetahuan yang baik tentang vape dapat membantu ibu bapa membuang kerisauan terhadap anak-anak mereka.

1.6.5. Kepentingan kepada pengkaji akan datang

Akhir sekali, kajian ini akan membantu pengkaji akan datang kerana data dan maklumat yang terkumpul sedikit sebanyak akan membantu mereka melakukan kajian seterusnya. Dengan maklumat yang diperolehi membolehkan pengkaji merujuk untuk membuat kajian lain yang berkaitan dengan vape seperti mengkaji kesan penggunaan vape. Pengkaji juga boleh membuat penambahbaikan dalam kajian yang akan datang dengan maklumat dan data yang telah sedia ada.

1.7. DEFINISI OPERASI

1.7.1. Mengkaji

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, mengkaji adalah menyelidik dan meneliti dengan mendalam atau terperinci supaya benar-benar mengetahui sesuatu, supaya

dapat membuat keputusan dan lain-lain. Menurut konteks kajian pengkaji, mengkaji ialah menyelidik tentang penggunaan vape di kalangan penduduk.

1.7.2. Persepsi

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, persepsi adalah gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan (menerusi pancaindera) tanggapan sesuatu imaginasi.

Persepsi menurut Kotler (1995) didefinisikan sebagai proses di mana individu memilih, menyusun dan menterjemah informasi untuk membentuk gambaran yang bermakna.

Menurut David Groome, ddk (2006), persepsi adalah pengalaman subjektif dari informasi yang ditangkap oleh indera setelah diolah dalam proses kognisi.

Dalam konteks kajian pengkaji, persepsi merupakan pandangan masyarakat terhadap penggunaan vape.

1.7.3. Sosial

Menurut Sudarno (2002) perkataan sosial berasal dari bahasa Latin iaitu (*socius*) yang bermaksud segala sesuatu yang lahir, tumbuh dan berkembang dalam kehidupan bersama.

Menurut Lewis (2012), sosial adalah sesuatu yang dicapai, dihasilkan dan ditetapkan dalam interaksi sehari-hari antara warganegara dan pemerintahannya. Menurut Paul

Ernest (2015) , sosial lebih dari sekadar jumlah manusia secara individu kerana mereka terlibat dalam berbagai kegiatan bersama.

Menurut Kotler (2015), faktor sosial mempengaruhi tabiat pengguna seperti kumpulan kecil, keluarga dan peranan sosial.

Menurut konteks kajian pengkaji, sosial merujuk kepada cara hidup seseorang individu dalam sesebuah masyarakat yang terlibat dalam penggunaan vape.

1.7.4. Kewangan

Kewangan adalah digunakan oleh individu (kewangan peribadi), oleh kerajaan (kewangan awam), oleh perniagaan (kewangan syarikat), dan sebagainya, serta oleh pelbagai organisasi termasuk sekolah-sekolah dan pertubuhan-pertubuhan bukan berasaskan keuntungan.

Kewangan melibatkan aktiviti menguruskan kewangan individu, pertubuhan perniagaan atau bukan perniagaan dan kerajaan. Kewangan merangkumi proses, institusi, pasaran yang terlibat dengan penggunaan wang.

Menurut konteks kajian pengkaji, kewangan merujuk kepada pengurusan perbelanjaan masyarakat terhadap penggunaan vape.

1.7.5. Pengetahuan kesihatan

Pengetahuan adalah maklumat yang telah diproses dan diorganisasikan untuk memperoleh pemahaman, pembelajaran dan pengalaman sehingga boleh diaplikasikan ke dalam masalah tertentu untuk diselesaikan.

Menurut pendapat Nadler (1986) pengetahuan bermaksud proses belajar manusia mengenai kebenaran atau jalan yang benar secara mudahnya mengetahui apa yang harus diketahui untuk dilakukannya. Disamping itu, Gordon (1994) menyimpulkan bahawa pengetahuan merupakan dasar kebenaran atau fakta yang harus diketahui. Pengetahuan dibahagikan kepada dua bahagian yang saling berkaitan iaitu, pengetahuan teori dan pengetahuan praktikal, Kraiger (1993).

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kesihatan adalah keadaan yang sempurna, sihat dari segi fizikal, mental, rohani dan sosial yang sihat, cerdas, cergas serta bebas dari sebarang penyakit.

Kesihatan merujuk kepada keadaan tubuh badan yang tidak mengalami sebarang masalah. Kesihatan individu banyak ditentukan oleh tingkah laku aktiviti fizikal, pemakanan dan juga gaya hidup individu berkenaan.

Ia adalah kualiti hidup yang melibatkan sosial, emosi mental, spiritual dan kecergasan biologikal individu hasil daripada adaptasi individu terhadap persekitaran, Dubos R (1968).

Menurut konteks kajian pengkaji, pengetahuan kesihatan merujuk kepada tahap pengetahuan masyarakat terhadap kesan penggunaan vape kepada kesihatan mereka.

1.7.6. Penggunaan vape

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, penggunaan adalah perihal (perbuatan, kegiatan) menggunakan sesuatu.

Penggunaan dari segi bahasa ialah guna atau pakai. Dari segi istilah ialah perlakuan mengguna barangan dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan semasa.

Dalam Islam, penggunaan atau 'istihlaq' boleh dinyatakan sebagai 'itlaf ain' iaitu melenyapkan zat dan menghilangkan faedahnya, dengan erti mengguna pakai sesuatu benda atau barangan yang boleh memberi faedah bagi menghasilkan manfaat yang dikehendaki.

Menurut Kotler, kadar penggunaan terbahagi kepada dua kumpulan pengguna, iaitu pengguna ringan, sederhana dan berat. Pengguna berat merujuk kepada peratusan kecil dalam pemasaran.

Kementerian Kesihatan mendefinisikan peranti elektronik yang mengandungi nikotin adalah dirujuk sebagai 'rokok elektronik' (eCig), sementara yang tidak mengandungi nikotin, adalah dirujuk sebagai vape. Komponen utama vape adalah bateri, atomiser dan katrij.

Dalam konteks kajian pengkaji, penggunaan vape merujuk kepada perbuatan menggunakan vape.

1.8. LIMITASI KAJIAN

a) Masa

Sebagai seorang pelajar yang sibuk dengan pelbagai tugas dan komitmen lain, tempoh masa yang diberi selama empat bulan tidak mencukupi untuk menghasilkan kajian yang terbaik. Pengkaji perlu mengkaji setiap persepsi penduduk Permatang Pauh dengan teliti untuk mendapatkan hasil kajian yang memuaskan.

b) Lokasi/Skop

Lokasi kajian hanya tertumpu kepada penduduk sekitar Permatang Pauh iaitu Taman Paun Indah dan Taman Pauh Jaya. Hal ini kerana pengkaji mempunyai kekangan dari segi faktor masa, ketiadaan kenderaan untuk bergerak dan lain-lain lagi yang tidak dapat dielakkan. Skop kajian ini hanya tertumpu kepada 100 orang responden dan pengkaji memilih kaedah pengumpulan data dengan mengedarkan soalan kaji selidik kepada penduduk sekitar Permatang Pauh.

c) Kenderaan

Pengkaji hanya memilih persepsi penduduk Permatang Pauh sahaja kerana ianya berdekatan dengan kawasan tempat tinggal pengkaji. Hal ini memudahkan pengkaji mengedarkan soalan-soalan kajian kepada penduduk tanpa perlu bergerak ke tempat yang jauh kerana pengkaji tidak mempunyai kenderaan sendiri di samping tidak mempunyai lesen. Pemilihan tempat kajian yang dekat membantu pengkaji melakukan kajian dengan mudah serta menjimatkan kos.